



# جایات فی اعونن نگری کلانٹن

PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI KELANTAN  
JKR 7, Kompleks Darulnaim  
15503 Kota Bharu  
Kelantan

Pejabat Am : 609-7481180  
Pengarah Pembangunan  
Negeri Kelantan : 609-7485909  
No. Fax : 609-7462734  
Email : pejppn@kelantan.gov.my  
Website : www.ppn.kelantan.gov.my

Ruj. Kami : PP.N.D.348/680/1/5 Jld.4( 34)  
Bertarikh : 06 Rabiulakhir 1442H  
Bersamaan : 22 November 2020M

Ke majlis,

## Sebagaimana Senarai Edaran

YBhg. Dato' / Tuan,

## **PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT DI NEGERI KELANTAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita sebagaimana yang YBhg. Dato' / Tuan telah sedia maklum bahawa Majlis Keselamatan Negara telah mengeluarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk dipatuhi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat di negeri Kelantan sebagaimana lampiran berkembar. Sehubungan dengan itu, **Mesyuarat Penyelarasan Tindakan Jabatan Bagi Membendung Pandemik Covid-19 Dalam Era Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)** yang diadakan pada **05 Rabiulakhir 1442H** bersamaan **21 November 2020** yang di pengerusikan oleh **YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan** telah menerima maklum untuk menggunakan SOP berkenaan dengan sedikit penyesuaian sebagaimana berikut :-

Bil	Tindakan	Penyesuaian
1.	Kawalan pergerakan	<p>1.1 Mesyuarat bersetuju supaya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menggunakan undang-undang kecil sedia ada di PBT untuk menghalang individu yang berisiko tinggi dan kanak-kanak supaya tidak keluar ke kawasan awam, terbuka dan sesak. Bagi melaksanakan perkara ini, pihak PBT hendaklah meletakkan banting, sepanduk dan sebarang bahan hebahan untuk makluman kepada orang ramai.</p> <p>1.2 Penjawat awam atau pekerja swasta yang menggunakan kenderaan persendirian bagi tujuan pergi dan balik dari tempat kerja atau menjalankan urusan rasmi kerajaan hendaklah menunjukkan surat kebenaran majikan di semua sekatan jalan raya.</p> <p>1.3 Bagi yang bekerja sendiri, mereka hendaklah mendapatkan kebenaran PDRM untuk melakukan pergerakan.</p>

<b>Bil</b>	<b>Tindakan</b>	<b>Penyesuaian</b>
		1.4 Bagi pekerja yang melaksanakan perkhidmatan secara <i>cash on delivery</i> , mereka hendaklah menunjukkan pesanan ringkas tempahan berkenaan untuk disemak oleh pihak PDRM
2.	Aktiviti dalam kawasan PKPB	<p>2.1 Pasaraya, pusat beli belah dan Retail Store adalah dibenarkan beroperasi daripada 8:00 pagi hingga 10:00 malam sahaja.</p> <p>2.2 Masa operasi pasar borong adalah ditetapkan di antara jam 12:00 pagi hingga 1:00 petang sahaja. Walaubagaimanapun PBT dibenarkan melanjutkan masa operasi sehingga jam 5:00 petang di kawasan-kawasan yang dirasakan sesuai oleh pihak PBT.</p> <p>2.3 Waktu operasi pengepaman di stesen minyak adalah antara 6:00 pagi hingga 10:00 malam (kecuali pengoperasian stesen minyak di lebuhraya dibenarkan beroperasi 24 jam)</p>
3.	Perkhidmatan/ perubatan/ kesihatan	3.1 Waktu operasi farmasi dan kedai menjual ubat adalah pada jam 8:00 pagi hingga jam 10:00 malam.
4.	Protokol kesihatan	4.1 Mesyuarat bersetuju bahawa bilangan mereka yang dibenarkan untuk berada di dalam setiap premis perniagaan adalah sebanyak bilangan yang boleh memungkinkan penjarakan radius 1 meter persegi diadakan.
5.	Aktiviti keagamaan	<p>5.1 SOP yang khusus untuk aktiviti keagamaan di masjid-masjid hendaklah mengikut SOP yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan sebagaimana lampiran berkembar.</p> <p>5.2 Mesyuarat bersetuju supaya upacara akad nikah orang Islam dibenarkan hadir setakat maksima 20 orang sahaja.</p>

3. Sukacita saya majukan bersama-sama ini untuk langkahan lanjut pihak YBhg. Dato' / Tuan jua.

4. Segala perhatian dan langkah segera YBhg. Dato' / Tuan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"  
"MEMBANGUN BERSAMA ISLAM – KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN"**

Saya yang menjalankan amanah,



**MOHD. ROSHDI BIN ISMAIL**  
Pengarah Pembangunan  
Negeri Kelantan

Salinan kepada:-

- Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- Yang Mulia Tengku Kaya Perkasa  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
- Yang Mulia Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
- Yang Berbahagia Dato' Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan
- Yang Dihormati Ketua Polis DiRaja Malaysia Kontinjen Kelantan
- YABrs. Pengarah Majlis Keselamatan Negara Negeri Kelantan
- YABrs. Pengarah Penyiaran Negeri Kelantan
- YBrs. Pengarah Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat SUK Kelantan
- YBrs. Setiausaha Sulit Kanan kepada YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato'  
Menteri Besar Kelantan

### Senarai Edaran

1. YBhg. Dato' Ketua Jajahan  
Pejabat Tanah Dan Jajahan Gua Musang  
**18300, GUA MUSANG**
2. YABrs. Ketua Jajahan  
Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu  
Jalan Hospital  
**15000, KOTA BHARU**
3. YABrs. Ketua Jajahan  
Pejabat Tanah Dan Jajahan Tanah Merah  
**17500, TANAH MERAH**
4. YABrs. Ketua Jajahan  
Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh  
**17600, PASIR PUTEH**
5. YM Ketua Jajahan  
Pejabat Tanah Dan Jajahan Kuala Krai  
**18000, KUALA KRAI**
6. YABrs. Ketua Jajahan  
Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas  
Kompleks Apam Putra, Lubok Jong  
**17000, PASIR MAS**
7. YABrs. Ketua Jajahan  
Pejabat Tanah Dan Jajahan Machang  
**18500, MACHANG**
8. YABrs. Ketua Jajahan  
Pejabat Tanah Dan Jajahan Tumpat  
**16200, TUMPAT**
9. YABrs. Ketua Jajahan  
Pejabat Tanah Dan Jajahan Jeli  
**17600, JELI**
10. YABrs. Ketua Jajahan  
Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok  
Kg Teluk  
**16300, BACHOK**
11. YABrs. Ketua Jajahan  
Pejabat Tanah Dan Jajahan Kecil Lojing  
Kompleks Pentadbiran Pos Brooke  
**18300 GUA MUSANG**